



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN GURU UNTUK PELAKSANAAN AMALAN ZIKIR BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH TINGKAH LAKU AGRESIF



05-4506832

NOORFARAH ASMIRA BINTI ABDUL MALEK

ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN GURU UNTUK PELAKSANAAN AMALAN
ZIKIR BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH
TINGKAH LAKU AGRESIF**

NOORFARAH ASMIRA BINTI ABDUL MALEK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tandas (✓)
 Kartas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Faaliyah

| | |
|--|--|
| | |
| | |
| | |

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...6... (hari bulan) ...APRIL... (bulan) 20...21.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOORFARAH ASMIRA BINTI ABDUL MALEKU M20152001867/ FPM (**SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI**) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN GURU UNTUK PELAKSANAAN AMALAN ZIKIR BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH TINGKAH LAKU AGRESIF

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. AZIZAH BT ZAIN (**NAMA PENYELIA**) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN GURU UNTUK PELAKSANAAN AMALAN ZIKIR BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH TINGKAH LAKU AGRESIF (**TAJUK**) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (**SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH**).

6 APRIL 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UPSI/PS/3/B03/31
Pand. 01 m/s 1/1**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESEHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN GURU UNTUK PELAKSANAAN AMALAN
ZIKIR BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH TINGKAH LAKU AGRESIF

No. Matrik /Matric's No.: M20152001987
Saya / I : NOORFARAH ASMIRA BINTI ABDUL MALEK
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membernaikan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun diberiarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berlarah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktu dalam Akta Rantaia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dilakukan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 6 APRIL 2021

(Tandatangan pengawas/Signature of Supervisor)

& (Nama & Copi Rusuh/Name & Official Stamp)

DEPARTMEN PENDIDIKAN AWAL TAHUN PADA
Fakulti Pengajian Masa Depan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lamparkan surat daripada pejabat berkewajibanan/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekalai sebab dan tempoh taporan ini perlu dikemasukan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Note: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction





PENGHARGAAN

Bsimillahirrahmannirrahim...

Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan limpah kurnia-NYA, telah dapat saya sempurnakan tesis ini bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia saya yang amat berdedikasi, Dr. Azizah Binti Zain atas ketidak jemuan beliau membimbang, saya dalam proses menulis tesis ini. Walaupun pelbagai rintangan yang terpaksa dihadapi sepanjang proses menamatkan penulisan, beliau sentiasa berada di sisi dan perannya saling tak ubah seperti seorang ibu yang sabar sedang mengajar anaknya tika sihat atau sakit. Kelembutan dan kesantunan beliau dalam mendidik saya sepanjang perjalanan penulisan ini amat saya kagumi.

Kepada suami tercinta, Farid Rumaizee Bin Mohd Zailani, terima kasih kerana memahami dan banyak bertolak ansur sepanjang tempoh ini. Kesabaranmu menunggu saya pulang dengan segenggam ijazah sarjana membuatkan saya sentiasa bersemangat dalam menunjukkan sisi terbaik saya sebagai orang yang mencintai ilmu. Terima kasih kerana tidak pernah berkira masa dan wang ringgit. Terima kasih juga kerana sentiasa menolak saya ke hadapan setiap kali saya hilang semangat untuk menulis.

Kepada mama, ayah dan juga adik beradik yang saya kasih, terima kasih atas semangat yang telah diberikan. Sepanjang penulisan ini, pelbagai masalah keluarga yang telah berlaku dalam keluarga kita. Ada yang manis dan pahit sehingga diri rasa tak kuat untuk meneruskan kajian ini. Allah turunkan segala ujian hanya bagi hambaNYA yang kuat. Dalam mana saya sibuk menyiapkan tugas, Allah menguji dengan masalah keluarga bagi menyedarkan kita bahawa setiap dari kita perlu saling menjaga dan mengambil berat walau apa pekerjaan yang sedang kita lakukan.

Tidak lupa juga kepada para sahabat yang sentiasa berada dalam ingatan saya. Mencari rakan pembimbang bukanlah mudah dan kualiti seorang rakan yang baik itu amat sukar dicari lebih-lebih lagi masing-masing sibuk dengan kerjaya dan penulisan masing-masing. Namun masih ada di antara kalian yang tidak kedekut masa dan tenaga, sanggup mengorbankan apa yang kalian ada hanya untuk membantu sahabat biasa sepertiku. Jasa kalian akan tersemat dan dibawa sampai mati. Doaku semoga semua urusan penulisan kita dipermudahkan dan kesemua kita dapat bergraduasi bila tiba masanya.

Akhir kalam, semoga kajian yang dihasilkan dengan penuh kasih sayang ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dan menjadi rujukan bagi mereka yang mencintai ilmu dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen-elemen keperluan, membangunkan Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanaan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif serta mengenal pasti maklumbalas guru terhadap kebolehgunaan pelaksanaan amalan zikir melalui garis panduan guru ini. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen dan temu bual. Analisis dokumen melalui kajian perpustakaan dibuat bagi mengenal pasti elemen-elemen keperluan dan mendapat kesahan pakar mengenai kesesuaian elemen-elemen keperluan tersebut dalam membina Garis Panduan Guru. Pakar yang dipilih terdiri daripada dua orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan seorang lagi dalam bidang agama. Temu bual dijalankan kepada tiga orang guru yang mengajar di sebuah tadika Islam yang mempunyai kira-kira 100 orang kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun untuk mendapat maklumbalas guru mengenai kebolehgunaan pelaksanaan amalan zikir dalam Garis Panduan Guru. Hasil dapatan temu bual dianalisis menggunakan pendekatan bertema. Dapatan kajian mendapati elemen-elemen keperluan yang sesuai untuk kanak-kanak adalah elemen Asmaul husna, surah dan zikir. Dalam pembangunan Garis Panduan Guru, kalimah nama Allah dalam Asmaul Husna seperti *Ya Hayyu*, *Ya Qayyum*, *Ya Rahman*, *Ya Rahim*, surah-surah (*al-Fatihah*, *al-Ikhlas* dan *al-Insyirah*) serta zikir berbentuk ulangan seperti *Alhamdulillah*, *Allahuakbar*, *Lailaha illallah*, telah disahkan oleh pakar untuk dimasukkan ke dalam Garis Panduan Guru. Dapatan temu bual tentang kebolehgunaan Garis panduan dengan guru menunjukkan Garis Panduan Guru ini mudah diikuti dan kanak-kanak agresif didapati menunjukkan perkembangan tingkah laku memberi kerjasama terhadap guru setelah pelaksanaan ini dijalankan. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan Garis Panduan Guru ini telah memberikan kesan yang positif kepada tingkah laku kanak-kanak. Sebagai implikasi kajian, diharap penggunaan Garis Panduan Guru ini dapat diperluaskan selepas ini bagi membantu guru-guru di tadika-tadika lain mengawal tingkah laku agresif kanak-kanak.





TEACHER GUIDELINES FOR THE IMPLEMENTATION OF ZIKIR PRACTICES AMONG CHILDREN WITH AGGRESSIVE BEHAVIOUR PROBLEMS

ABSTRACT

This study aims to identify the elements of need, develop Teacher Guidelines for the Implementation of Zikir Practices among Children with Aggressive Behavior Problems and identify teacher feedback on the applicability of the implementation of zikir practices through these teacher guidelines. Qualitative approach was used in this study with data collection methods through document analysis and interviews. Document analysis through library research is done to identify the elements of needs and gain expert validity on the suitability of those elements of needs in building Teacher Guidelines. Two experts selected were from early childhood education's field and one more is from religion's field. Interviews were conducted with three teachers who teach in an Islamic kindergarten with about 100 children aged five to six years to get teacher feedback on the applicability of the implementation of zikir practice in the Teacher Guidelines. The results of the interview findings were analysed using themed approach. The findings of the study found that the elements of need that are suitable for children are the elements of Asmaul husna, surah and zikir. In the development of Teacher Guidelines, the name of Gods in Asmaul Husna such as *Ya Hayyu*, *Ya Qayyum*, *Ya Rahman*, *Ya Rahim*, surah -surah (*al-Fatiyah*, *al-Ikhlas* and *al-Insyirah*) and zikir repetition such as *Alhamdulillah*, *Allahuakbar*, *Lailahaillallah*, has been confirmed by experts to be included in the Teacher Guidelines. Findings of interviews on the applicability of the Guidelines with teachers show that the Teacher Guidelines were easy to follow and aggressive children showed cooperative behavior towards teachers. In conclusion, these Teacher Guidelines have had a positive impact on children's behaviour. Implication of the study, it is hoped that the use of these Teacher Guidelines can be expanded after this to help teachers in other kindergartens to control the aggressive behavior of children.





KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|---|------|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 4 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 8 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 11 |
| 1.5 Objektif Kajian | 11 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 12 |
| 1.7 Kerangka Konseptual Kajian | 13 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 15 |
| 1.9 Batasan Kajian | 17 |
| 1.10 Definisi Operasional | 18 |
| 1.10.1 Garis Panduan | 18 |





| | |
|-----------------------------|----|
| 1.10.2 Zikir | 19 |
| 1.10.3 Tingkah Laku Agresif | 20 |
| 1.11 Rumusan | 21 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|---|----|
| 2.0 Pengenalan | 22 |
| 2.1 Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak Agresif | 23 |
| 2.1.1 Ciri-ciri Kanak-kanak Agresif | 25 |
| 2.1.2 Kesan Tingkah Laku Agresif | 28 |
| 2.2 Teori | 29 |
| 2.2.1 Teori Pelaziman Operan Skinner | 31 |
| 2.2.2 Teori Perkembangan Psikososial Erikson | 34 |
| 2.2.3 Teori Perkembangan Imam Al-Ghazali | 37 |
| 2.3.4 Kepentingan Teori Pelaziman Operan Skinner, Teori Perkembangan Psikososial Skinner dan Teori Perkembangan Imam Al-Ghazali | 43 |
| 2.3.5 Kerangka Teori | 47 |
| 2.4 Definisi Zikir | 49 |
| 2.4.1 Tujuan Zikir | 51 |
| 2.4.2 Perbandingan Kelebihan Zikir | 54 |
| 2.4.3 Kesan Zikir | 56 |
| 2.4.4 Contoh-contoh Zikir | 59 |
| 2.4.5 Panduan Zikir Kanak-kanak Berpandukan Model-model Kajian Lepas | 60 |
| 2.4.6 Teknik-teknik Zikir | 69 |
| 2.4.7 Adab-adab Zikir | 71 |
| 2.4.8 Panduan Zikir | 71 |
| 2.5 Kajian Lepas | 74 |



**BAB 3 METODOLOGI**

| | |
|----------------------------------|---------|
| 3.0 Pengenalan | 79 |
| 3.1 Pendekatan Kajian | 80 |
| 3.2 Populasi dan Sampel | 83 |
| 3.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan | 86 |
| 3.3.1 Kesahan | 86 |
| 3.3.2 Kebolehpercayaan | 90 |
| 3.4 Instrumen Kajian | 92 |
| 3.4.1 Pemerhatian | 92 |
| 3.4.2 Analisis Dokumen | 95 |
| 3.4.3 Set Soalan Temu Bual | 98 |
| Kampus Sultan Abdul Jalil Shah | ptbupsi |
| 3.5 Kajian Rintis | 102 |
| 3.6 Prosedur Pengumpulan Data | 103 |
| 3.7 Triangulasi Data | 108 |
| 3.8 Kaedah Menganalisis Data | 110 |
| 3.9 Rumusan | 112 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | |
|----------------------------|-----|
| 4.0 Pengenalan | 113 |
| 4.1 Temu Bual (Bahagian 1) | 114 |
| 4.1.1 Maklumat Demografi | 114 |
| 4.2 Temu Bual (Bahagian 2) | 118 |
| 4.2.1 Bahagian I | 119 |
| 4.2.2 Bahagian II | 122 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

| | |
|--------------------|-----|
| 4.3 Dapatan Kajian | 126 |
| 4.4 Rumusan | 128 |

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | |
|--------------------------------------|-----|
| 5.1 Perbincangan | 130 |
| 5.2 Signifikasi Kajian dan Implikasi | 135 |
| 5.3 Cadangan Kajian | 138 |
| 5.4 Kesimpulan | 140 |

RUJUKAN

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka Surat |
|--|------------|
| 2.3.1.1 Proses dalam Teori Pelaziman Operan | 33 |
| 2.3.2.1 Tahap-tahap dalam Teori Perkembangan Psikososial | 35 |
| 2.3.3.1 Etika Khusus Guru Menurut Imam Al-Ghazali | 39 |
| 2.3.3.2 Nasihat Imam Al-Ghazali | 41 |
| 2.4.5.1 Nama Allah Khusus Mengikut Jenis Masalah Kanak-kanak | 63 |
| 3.3.1.1 Saranan Pakar pada Pertemuan Pertama | 88 |
| 3.3.1.2 Saranan Pakar pada Pertemuan Kedua | 89 |
| 3.4.1.1 Rekod Pemerhatian Pelaksanaan Amalan Zikir di Tadika | 93 |
| 3.4.2.1 Jenis Bacaan Zikir Bagi Setiap Elemen Dalam Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Bagi Kanak-Kanak Bermasalah Tingkah Laku Agresif | 96 |
| 3.4.2.2 Ringkasan Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Bagi Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Agresif | 97 |
| 3.4.3.1 Soalan Temu Bual Bahagian 2 | 101 |
| 4.1.1.1 Kod Guru | 116 |
| 4.1.1.2 Maklumat Demografi Responden | 117 |





| | | |
|---------|--|-----|
| 4.2.1.1 | Petikan Temu Bual Responden (Bahagian 1) | 120 |
| 4.2.2.1 | Petikan Temu Bual Responden (Bahagian II) | 122 |
| 4.3.1 | Tema Soalan Temu Bual Bahagian I: Pelaksanaan Amalan Zikir di Tadika | 126 |
| 4.3.2 | Tema Soalan Temu Bual Bahagian II: Perkembangan Tingkahlaku Kanak-Kanak Agresif | 127 |





SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka surat |
|--|------------|
| 1.7 Kerangka Konseptual Kajian | 13 |
| 2.3.5 Kerangka teori | 47 |
| 3.6.1 Carta alir prosedur pengumpulan data | 107 |
| 3.7.1 Triangulasi Data | 108 |





SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------|---|
| ABIM | Angkatan Belia Islam Malaysia |
| ADHD | <i>Attention Deficit Hyperactivity Dirorder</i> |
| BD-II | Beck Depression Inventory-II |
| CD | <i>Conduct Disorder</i> |
| GPG | Garis Panduan Guru |
| KEMAS | Jabatan Kemajuan Masyarakat |
| LF | <i>Low Frequency</i> |
| MOAS | <i>Modified Overt Aggression Scale</i> |
| ODD | <i>Oppositional Defiant Disorder</i> |
| S.A.W | Sallallahu „alai wasalam |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| VLF | <i>Very Low Frequency</i> |





SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian Penulisan
- C Pengesahan Penyerahan Disertasi
- D Halaman Penghargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman Abstract
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Rajah
- J Halaman Senarai Singkatan
- K Lagu-lagu Nasyid
- L Garis Panduan Guru
- M Borang lantikan pakar
- N Set soalan Temu bual
- O Transkrip Temu Bual Responden





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Menurut Levine dan Munsch (2018), perkembangan seseorang kanak-kanak boleh dibahagikan kepada tiga domain utama iaitu domain perkembangan fizikal, perkembangan perkembangan kognitif dan perkembangan sosio-emosi. Kesemua perkembangan ini dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil bagi memudahkan kita memfokuskan kepada proses yang sedang berlaku dalam sesuatu perkembangan. Selain itu, perkembangan ini dipecahkan bagi memudahkan kita menguruskan sesuatu maklumat mengikut tahap peringkat dan umur kanak-kanak.





Domain sosio-emosi merupakan domain yang merangkumi dua perkara iaitu sosial dan emosi kanak-kanak. Melalui domain ini, perubahan pada cara seseorang itu berkomunikasi dengan orang lain serta mengekspresikan dan memahami emosi orang lain dapat dilihat. Selain mengekspresikan emosi, kanak-kanak juga dapat mempamerkan emosinya melalui tingkah laku. Tingkah laku yang dihasilkan pula boleh jadi tingkah laku yang positif dan tingkah laku bermasalah.

Salah satu tingkah laku negatif yang sering berlaku dalam kanak-kanak semasa berada di peringkat prasekolah adalah masalah tingkah laku agresif (Siti Zaharah, Jun Choi & Sawan, 2018). Selalunya, tingkah laku agresif ini tidak diberi perhatian yang serius dan diabaikan walaupun kanak-kanak di peringkat ini merupakan peringkat yang penting dalam menentukan perkembangan kanak-kanak ke fasa yang seterusnya. Suka atau tidak, perkara atau cabaran ini perlu dihadapi oleh warga pendidik di prasekolah kerana ia sememangnya sudah menjadi tanggungjawab guru prasekolah untuk menangani kes-kes kanak-kanak yang berkelakuan agresif.

Di Malaysia, kanak-kanak mula mendapat pendidikan terawal ketika bersekolah di tadika seawal usia empat atau lima tahun. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan guru bagi mengelakkan tercetusnya masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika. Salah satunya adalah melalui penggunaan zikir. Amalan zikir ini telah terbukti menjadi agen pengubah tingkah laku yang memacu ke arah tingkah laku kanak-kanak yang lebih positif. Kajian lepas menunjukkan zikir dapat membantu guru mengawal masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan





pelajar sekolah menengah. Setelah mengamalkan bacaan zikir yang berulang-ulang, pelajar-pelajar menunjukkan perubahan tingkah laku yang lebih positif (Nubli & Aiman, 2015).

Di Malaysia, amalan zikir ini sememangnya amat popular dalam kalangan tadika-tadika Islam kerana praktis ini telah diserap masuk ke dalam kurikulum sekolah masing-masing. Tadika swasta terutamanya telah mengenalpasti amalan zikir ini sebagai langkah pengenalan untuk memperkenalkan pengajaran berlandaskan Islam kepada kanak-kanak yang masih kecil. Melalui kajian lepas, beberapa buah kajian berkaitan penggunaan amalan zikir dikenalpasti telah mampu memberi kesan yang positif terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak. Namun amalan ini hanya banyak digunakan dalam kalangan warga pendidik yang mengajar kanak-kanak bekeperluan khas seperti autisma dan hiperaktif.

Salmihah, Fariza, Manisah dan Zuliza (2018) dalam kajian mereka menyatakan kepentingan pengajaran al-Quran yang turut mengandungi aktiviti zikir. Amalan zikir didapati sangat membantu perkembangan psikologi serta membantu mengawal tingkah laku tantrum dalam kalangan kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran autisma. Selain digunakan dalam mengatasi masalah kanak-kanak bermasalah pembelajaran autisma, amalan zikir turut digunakan bagi merawat masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak hiperaktif yang beragama Islam. Masalah tingkah laku kanak-kanak hiperaktif seperti sering meninggalkan tempat duduk di dalam kelas, sering berlari atau memanjang secara keterlaluan, sukar merasa





tenang ketika mengisi waktu lapang, sering bergerak-gerak seolah-olah mempunyai motor dan banyak lagi boleh diatasi dengan penggunaan alunan al-Quran (Nik Asilah & Ghazali, 2016).

Berdasarkan keberkesanan penggunaan amalan zikir dalam kalangan warga pendidik kanak-kanak kekeperluan khas sebelum ini, penyelidik berhasrat untuk melihat maklumbalas guru berkenaan amalan ini terhadap kanak-kanak normal yang mempunyai masalah tingkah laku agresif pula.



Malaysia mempunyai pelbagai pilihan prasekolah yang boleh dipilih oleh ibu bapa seperti prasekolah yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial, organisasi kerajaan seperti Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Luar Bandar, Jabatan Agama Islam di setiap negeri, Organisasi Muslim seperti Pergerakan Pemuda Islam Malaysia (ABIM) serta mereka yang mengendalikan program ini dalam sektor swasta (Zaiton, 2017). Ibu bapa yang prihatin terhadap kualiti dan perkhidmatan yang lebih baik oleh tadika telah membawa kepada kesesatan peningkatan tadika swasta di Malaysia. Majoriti ibu bapa lebih berminat dan cenderung untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta berbanding





prasekolah awam kerana merasakan tadika swasta menawarkan pendidikan yang berkualiti dalam bidang akademik, dapat mengikut kehendak yang diperlukan ibu bapa serta menawarkan pelbagai pilihan alternatif seperti pengetahuan asas sebelum melangkah ke sekolah rendah.

Bagi ibu bapa Muslim, mereka cenderung memilih tadika yang menitikberatkan persekitaran yang mementingkan lebih berkaitan pengetahuan agama kerana ibu bapa ingin memastikan anak-anak mereka boleh membaca al-Quran dan solat di awal usia (Lily & Azhari, 2013). Selaras dengan itu, bilangan tadika swasta berbentuk Islamik semakin meningkat akhir-akhir ini. Antara tadika-tadika popular di Malaysia yang menggunakan konsep agama atau Islamik adalah seperti Little Caliph, Genius Aulad,

Brainy Bunch International Islamic Montessori, Dzul Iman Smart Khalifah, Children Islamic Centre (CIC) serta banyak lagi. Kajian lepas menunjukkan kesemua ibu bapa bersetuju bahawa tadika Islam mempunyai peranan yang signifikan sebagai pusat pendidikan awal bagi menyemai pengajaran Islam untuk anak-anak. Menurut Rashidah (2016), program tadika yang berkonsepkan agama atau Islamik bermakna operasi pengajaran serta pembelajaran di tadika itu dijalankan dengan memberi lebih penekanan dari aspek agama.

Tadika berkonsep Islam mempunyai kurikulum yang berbeza dengan tadika kerajaan di mana tadika Islam swasta diperkayakan dengan pelbagai program seperti bacaan Quran, hafazan, seni mempertahankan diri, tarian, drama serta seni. Tadika milik kerajaan pula dikawal dan bergantung sepenuhnya kepada kurikulum yang





dihadarkan oleh pihak kementerian. Selain disajikan dengan kurikulum ekstra, tadika Islam swasta juga turut mempunyai kelebihan lain seperti masa operasi tadika yang lebih panjang, kelayakan guru yang mengajar adalah lebih berkualiti serta nisbah guru dan murid yang lebih kecil iaitu 1:15 bagi tadika Islam swasta dan 1:25 bagi tadika milik kerajaan (Mursyidah et al., 2015). Lima bahagian yang terkandung dalam silibus Pengajian Islam di prasekolah pula adalah seperti *Aqidah*, *Ibadah*, *Sirah*, *Akhlaq* dan Asas Bahasa Quran dan Tulisan Jawi. Dalam kelima-lima bahagian ini, kanak-kanak akan mempelajari cara mengambil *wudhu'*, membuat latihan dan pergerakan solat, membudayakan *akhlaq* Rasulullah serta mengamalkan praktis harian berpandukan adab, mengetahui asas bahasa Quran, *hija'iyyah* dan huruf Jawi selain menghafaz surah-surah pendek serta doa-doa pilihan. Kemahiran asas hidup dalam Pendidikan Islam seperti bacaan doa, zikir harian, adab semasa makan, adab dalam berkawan serta adab bersama guru dan ibu bapa juga dapat menyediakan pelajar dengan asas yang kuat bagi membantu mereka berdepan rintangan ketika di sekolah rendah kelak. (Sofiah, Kamarul & Akmaliza, 2019).

Banyak tadika yang telah ditubuhkan di Malaysia untuk membantu memberi pendidikan yang terbaik kepada kanak-kanak. Adalah penting bagi guru di awal usia kanak-kanak supaya dapat membantu kanak-kanak memperkembangkan potensi diri. Selain mengembangkan potensi diri, tingkah laku- tingkah laku kanak-kanak perlu diperhatikan kerana pada usia ini, kanak-kanak sering memamerkan pelbagai jenis tingkah laku yang berbeza. Menurut DiPierro dan Brown (2016), masalah tingkah laku negatif atau tingkah laku bermasalah kanak-kanak terjadi sedari mereka masih bayi lagi. Kanak-kanak kadangkala memamerkan tingkah laku negatif kerana





memberi tindak balas fizikal, mental atau emosi terhadap peristiwa atau rangsangan (Zanariah & Kamarul, 2017). Dalam kajian ini, penyelidik cenderung untuk memfokuskan kanak-kanak agresif.

Masalah tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sering diabaikan dan sering tidak diberikan perhatian serius walapun perkembangan kanak-kanak pada peringkat ini merupakan peringkat yang penting dalam menentukan perkembangan kanak-kanak ke peringkat seterusnya. Antara masalah tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah seperti tingkah laku agresif terhadap orang lain seperti berkelahi dan memukul), masalah perhatian seperti masalah memberi perhatian dan tidak membuat kerja yang kemas) serta tingkah laku menentang dan emosi seperti luahan emosi dan sikap mengingkari. Sikap agresif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak juga boleh dianggap sebagai salah satu perlakuan yang membahayakan. Hal ini kerana jika tidak diberi perhatian, dikawal dan ditangani dengan baik oleh guru-guru pada peringkat prasekolah, ia boleh menyumbang kepada tingkah laku maladaptif pada masa depan (Siti Zaharah et al., 2018).

Oleh itu, penggunaan amalan zikir diperkenalkan oleh penyelidik dalam kajian ini bagi membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah berkaitan tingkah laku agresif mengawal tingkah laku agresif mereka. Hal ini kerana menurut kajian-kajian lepas, amalan zikir ini dipercayai telah mampu membantu sebilangan guru dan ibu bapa dalam mengatasi masalah tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak.





1.3 Pernyataan Masalah

Tingkah laku agresif yang berlaku pada peringkat awal umur kanak-kanak sering menjadi kebimbangan para ibu bapa serta para pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Sikap agresif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak juga boleh dianggap sebagai salah satu bentuk perlakuan berbahaya jika tidak diberi perhatian yang serius oleh para guru. Masalah tingkah laku agresif kanak-kanak di prasekolah seperti tingkah laku menentang dan emosi (luahan emosi, sikap mengingkari), tingkah laku agresif terhadap orang lain (memukul dan berkelahi) dan masalah perhatian (masalah memberi perhatian dan tidak membuat kerja yang kemas) sering menyebabkan kanak-kanak ini diabai dan dipulau rakan-rakan (Siti Zaharah et.al, 2018).



Menurut Siti Zaharah et.al (2018) lagi, tingkah laku agresif dapat ditakrifkan sebagai kategori tingkah laku yang menyebabkan atau mengancam fizikal serta membawa kecederaan kepada orang lain. Masalah tingkah laku agresif ini sering berlaku di peringkat prasekolah dan ianya selalu diabaikan dan tidak diberikan perhatian yang serius walaupun perkembangan kanak-kanak di peringkat ini merupakan peringkat yang penting dalam menentukan perkembangan kanak-kanak ke fasa seterusnya. Besar kemungkinan, ini boleh meninggalkan kesan seumur hidup terhadap kanak-kanak seperti cenderung berkembang menjadi orang yang anti-sosial, ponteng serta tidak minat dengan aktiviti sekolah, berpencapaian akademik rendah, mempunyai harga diri yang rendah, mempunyai masalah hubungan dengan rakan





sekerja lain pada peringkat dewasa serta melakukan perbuatan jenayah. Kenyataan ini turut disokong oleh Noor Adeeba (2017) di mana tingkah laku agresif dalam kalangan awal kanak-kanak adalah tingkah laku yang mendatangkan kecederaan kepada individu lain termasuklah kepada ibu bapa, guru, penjaga mahupun individu di sekeliling mereka.

Banyak kajian yang telah mendapati sikap awal ini iaitu tingkah laku agresif akan berterusan ke peringkat rendah, menengah sehingga ke sekolah tinggi jika ianya tidak ditangani secara baik dan bijak. Jika tidak ditangani dengan baik, tingkah laku agresif kanak-kanak ini boleh menyumbang kepada tingkah laku maladaptif pada masa depan. Amalan zikir merupakan salah satu cara yang telah diperakui dapat menyelesaikan masalah dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang pendidikan, bidang perubatan, bidang psikologi dan sebagainya. Zikir menurut Rozali dan Nubli (2015) dapat berperanan sebagai agen pengubah tingkah laku negatif seseorang. Penggunaan zikir dalam proses pembentukan tingkah laku penting kerana zikir bukan sahaja dapat mengubah tingkah laku kanak-kanak, zikir dalam masa yang sama turut dapat membantu kanak-kanak dalam pelbagai aspek lain seperti menarik minat kanak-kanak untuk mengenali dan mempelajari agama Islam selain dapat mencipta kesan dan sensasi tenang kepada orang yang mengamalkannya (Mukhamad Yasin, 2015). Apabila rasa tenang timbul dalam diri kanak-kanak, tingkah laku negatif tersebut akan lebih mudah dikawal seterusnya tingkah laku negatif tersebut dapat diubah menjadi tingkah laku positif. Menurut Mohd Syukri, Che Zarrina dan Syed Mohammad (2017), pendekatan berteraskan bacaan ayat al-Quran iaitu zikir juga antara alternatif yang boleh diaplikasikan terhadap kanak-kanak autisma. Namun sayangnya





penggunaan amalan zikir ini dilihat masih kurang diamalkan ke atas kanak-kanak normal terutamanya kepada kanak-kanak yang mengalami masalah tingkah laku agresif.

Amalan zikir dilihat masih kurang diamalkan dalam kalangan kanak-kanak agresif kerana amalan ini hanya disedari kepentingannya oleh tenaga pengajar yang mengajar kanak-kanak bekeperluan khas seperti autisma. Melalui kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, amalan zikir merupakan antara pendekatan atau intervensi yang diamalkan tenaga pengajar bagi mengatasi masalah tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak autisma. Penggunaan zikir serta bacaan ayat-ayat al-Quran banyak digunakan sebagai terapi bunyi kepada para pelajar yang menghidap masalah pembelajaran autisma bukan sahaja dapat memberi kesan yang positif kepada tingkah laku bahkan emosi dan pertuturan mereka (Nurhayati, Latifah & Hamdi, 2017). Selain itu kanak-kanak yang diberikan latihan zikir dalam kajian lepas turut memperoleh ketenangan, menjadi lebih sabar dan kurang sifat marah setelah mengamalkan amalan ini (Siti Zarina, 2017).





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen yang diperlukan dalam Pembangunan Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Agresif. Selain itu, penyelidik turut ingin membangunkan sebuah Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Agresif serta melihat maklumbalas guru-guru tadika terhadap kesesuaian elemen-elemen zikir dalam Pembangunan Garis Panduan Guru serta menguji kebolehgunaan pelaksanaan dalam Garis Panduan Guru.



1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini diajalankan adalah untuk:-

1. Mengenalpasti elemen-elemen yang diperlukan dalam Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanakan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif.
2. Membangunkan Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanakan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif.





3. Mengenalpasti maklumbalas guru-guru tadika terhadap kebolehgunaan pelaksanaan amalan zikir melalui Garis Panduan Guru dalam membantu tingkah laku agresif kanak-kanak tadika.


1.6 Persoalan Kajian

Soalan kajian yang telah digubal untuk menjawab objektif di atas adalah seperti berikut:-

1. Apakah elemen-elemen yang diperlukan dalam Garis Panduan Guru untuk Pelaksanakan Amalan Zikir dalam kalangan kanak-kanak yang bermasalah tingkah laku agresif?
2. Bagaimanakah Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanakan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif dibangunkan?
3. Apakah maklumbalas yang diterima dari guru-guru tadika berkenaan kebolehgunaan pelaksanaan amalan zikir melalui Garis Panduan Guru dalam membantu tingkah laku agresif kanak-kanak tadika?



1.7 Kerangka Konseptual Kajian



**Elemen-elemen dalam Pembangunan Garis Panduan Guru
untuk Pelaksanaan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-
kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif**

Asmaul Husna

Zikir

Surah

Rajah 1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.7 menunjukkan rajah kerangka konseptual bagi kajian ini. Kotak pertama di sebelah kiri menunjukkan Elemen-elemen dalam Pembangunan Garis Panduan Guru untuk Pelaksanaan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif. Di dalam kotak yang sama, terdapat tiga elemen iaitu elemen yang pertama merupakan Asmaul husna, elemen kedua merupakan Zikir dan elemen ketiga merupakan Surah.

Seterusnya di sebelah tengah gambar rajah terdapat sebuah kotak bergambar anak panah. Anak panah tersebut melambangkan suatu proses di mana penyelidik telah mengadakan proses bagi membina atau membangunkan sebuah garis panduan guru bagi mengatasi masalah agresif dalam kalangan kanak-kanak agresif. Proses ini dinamakan sebagai Pembangunan Garis Panduan Guru untuk Pelaksanaan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif. Elemen-elemen yang terkandung dalam Pembangunan Garis Panduan Guru untuk Pelaksanaan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif telah membantu penyelidik membina sebuah garis panduan guru bagi mengatasi masalah tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak tadika.

Kotak terakhir iaitu kotak yang berada pada kedudukan paling kanan rajah merupakan fasa akhir dalam kajian ini. Setelah Garis Panduan Guru untuk Pelaksanaan Amalan Zikir dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah laku Agresif dibangunkan, garis panduan ini akan diuji dengan mengambil maklum balas dari guru berkenaan kebolehgunaan pelaksanaan amalan zikir dalam garis panduan





tersebut diambil. Langkah dalam kotak ini merupakan proses terakhir dalam kajian ini.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan penyelidik untuk mengenalpasti elemen-elemen yang diperlukan dalam membina Garis Panduan Guru untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Agresif di sebuah tadika Islam. Selain itu, penyelidik dalam kajian ini juga ingin membangunkan Garis Panduan Guru untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Dalam Kalangan Kanak-kanak Bermasalah Tingkah

Laku Agresif. Seterusnya penyelidik turut ingin mengenalpasti maklumbalas guru-guru tadika terhadap kebolehgunaan pelaksanaan amalan zikir melalui Garis Panduan Guru dalam membantu tingkah laku agresif kanak-kanak tadika ini.

Amalan zikir merupakan sebuah kaedah alternatif dan menjadi agen yang membantu guru mengubah tingkah laku bermasalah kanak-kanak di tadika. Melalui kajian yang telah dilaksanakan, elemen-elemen pelaksanaan amalan zikir dicari bagi membangunkan sebuah garis panduan guru yang komprehensif. Melalui kajian ini, guru dapat mempelajari teknik mengawal tingkah laku kanak-kanak yang bermasalah dalam bilik darjah serta mengelakkan pelbagai masalah negatif timbul dalam kalangan kanak-kanak di kemudian hari jika tingkah laku bermasalah kanak-kanak ini diabaikan. Selain itu, guru turut dapat menerapkan budaya Islam dalam diri kanak-





kanak kecil yang masih memerlukan bantuan serta bimbingan orang dewasa dalam Pendidikan Islam.

Selain penting untuk guru, amalan zikir ini turut mempunyai kesan baik terhadap kanak-kanak. Penerapan budaya Islam yang diterapkan oleh guru di tadika membantu anak-kanak yang masih kecil kerana mereka sentiasa memerlukan bantuan serta bimbingan daripada orang dewasa. Bukan sahaja dalam aspek perkembangan bahkan dalam bidang Pendidikan Islam. Amalan, budaya serta pegangan dalam Agama Islam yang diterapkan dalam diri kanak-kanak semenjak mereka kecil membantu mereka supaya dapat membiasakan diri dengan persekitaran yang baik. Apabila diterapkan dengan budaya yang baik serta mengikut ajaran Islam, kanak-kanak akan lebih mudah dilentur serta menghasilkan perilaku serta yang terpuji serta boleh memberi manfaat kepada masyarakat apabila dewasa kelak.

Amalan zikir ini turut dapat memberi kesan yang baik kepada ibu bapa. Amalan yang baik sepatutnya bermula dari rumah. Jika amalan ini diamalkan di rumah dan juga di tadika, kanak-kanak yang dilahirkan akan menjadi lebih kuat. Hal ini kerana kerjasama daripada ibu bapa dan sekolah itu penting. Dalam hal ini, ibu bapa tidak akan beban atau tugas mengajar itu merupakan tugas individu bahkan ia merupakan tanggungjawab yang perlu digalas secara bersama. Menggalas tugas untuk mendidik khalifah kecil ini adalah tanggungjawab bersama, maka ibu bapa tidak akan merasa terpinggir kerana guru turut bekerjasama membantu ibu bapa di rumah untuk membentuk perilaku, tingkah laku serta akhlak yang indah dalam diri kanak-kanak.





1.9 Batasan Kajian

Beberapa limitasi kajian telah dikenal pasti dalam kajian ini. Peruntukan masa menjadi kekangan utama dalam melaksanakan kajian ini. Penyelidik telah mendapatkan maklum balas daripada responden selama enam bulan. Semestinya masa yang diperuntukan tidak begitu mencukupi untuk melihat perkembangan seseorang kanak-kanak untuk mengubah tingkah laku. Jika dijalankan pada masa depan, masa kajian mungkin boleh dilanjutkan sehingga sekurang-kurangnya setahun. Selain itu, masa yang dicadangkan juga hendaklah bersesuaian iaitu pada awal tahun waktu mula persekolahan sehingga tutup sekolah.



Selain kekangan masa, masalah lain yang timbul adalah berkenaan dengan kekurangan sumber untuk merujuk instrumen garis panduan guru berkenaan pelaksanaan amalan zikir. Penyelidik mendapati amat sukar untuk mencari rujukan berkenaan pelaksanaan amalan zikir dalam kalangan kanak-kanak normal. Rujukan-rujukan yang ditemui kebanyakannya mensasarkan pelaksanaan amalan zikir dalam kanak-kanak bekeperluan khas terutamanya yang mempunyai masalah autisma. Penyelidik amat berharap agar terdapat banyak lagi kajian berkenaan pelaksanaan amalan zikir akan dijalankan ke atas kanak-kanak normal yang mempunyai masalah tingkah laku agresif selepas ini.





Masalah ketiga yang dihadapi oleh penyelidik adalah berkaitan dengan batasan bidang kajian di mana kajian ini merupakan campuran antara bidang pendidikan awal kanak-kanak serta bidang agama. Penyelidik menghadapi kesukaran untuk merangkum serta menyatukan kajian berbentuk keagamaan dalam kajian pendidikan awal kanak-kanak. Penyelidik perlu merujuk kepada pelbagai sumber serta ahli profesional berkaitan bidang keagamaan bagi memurnikan lagi kajian ini agar ia dapat menjadi rujukan yang boleh diterima pakai kepada dua-dua belah bidang

Penyelidik berharap agar kekangan-kekangan yang dialami tidak akan menjaskan dapatan kajian. Seterusnya, penyelidik berharap agar dapatan dalam kajian ini dapat digunakan oleh penyelidik-penyelidik lain di masa hadapan.



1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Garis Panduan

Garis panduan biasanya merangkumi pernyataan amalan yang diharapkan, menyediakan tanda aras atau piawaian yang mana individu boleh mengaudit, membandingkan dan berpotensi meningkatkan amalan mereka serta sebagai panduan untuk menjalankan tugas tertentu (Kredo et al., 2016). Dalam konteks kajian ini, garis panduan guru ini dibangunkan bagi melihat maklum balas guru berkenaan





kebolehgunaan pelaksanaan amalan zikir dalam Pembangunan Garis Panduan Guru untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Bagi Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Agresif pada akhir kajian.

.

1.10.2 Zikir

Menerusi kajian ini, zikir boleh dimaksudkan sebagai suatu cara atau metod bagi menangani masalah tingkah laku bermasalah dalam kalangan kanak-kanak agresif.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan amalan zikir yang pernah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas bagi membantu warga pendidik untuk menangani masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak agresif. Antara amalan zikir yang telah digunakan dan disarankan oleh pengkaji-pengkaji lepas adalah seperti penggunaan surah-surah lazim serta potongan ayat-ayat al-Quran, zikir-zikir mudah dan pendek yang berulang-ulang serta kalimah nama-nama Allah.

Kesemua amalan zikir tersebut turut disaran untuk digunakan oleh pelopor teori dalam bidang Islam iaitu Imam al-Ghazali. Menurut Imam al-Ghazali, kanak-kanak seawal umur lima hingga tujuh tahun iaitu kanak-kanak yang terdiri dalam kalangan yang bersekolah di prasekolah atau tadika disarankan untuk mula diperkenalkan dengan perkara-perkara berkaitan agama seperti menunaikan solat, membaca doa secara berjemaah dan mengamalkan wirid. Pengenalan kepada perkara





berkenaan agama ini adalah baik bagi melahirkan kanak-kanak yang mempunyai akhlak yang baik dan terpuji.

1.10.3 Tingkah Laku Agresif

Tingkah laku agresif ditakrifkan sebagai perbuatan yang dapat mengancam fizikal serta membawa kecederaan kepada orang lain termasuklah kepada ibu bapa, guru, penjaga mahupun individu di sekeliling kanak-kanak. Tingkah laku agresif yang sering terjadi dalam kalangan kanak-kanak sekitar umur prasekolah ada dua jenis iaitu

instrumental aggression dan *hostile aggression*.

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

Menurut Noor Adeeba (2017), ciri-ciri tingkah laku kanak-kanak agresif jenis

instrumental aggression adalah seperti menolak sesama sendiri dan menjerit serta menyerang individu yang menghalang kemahuannya jika mereka mahukan objek, perhatian ataupun ruang. Manakala ciri-ciri tingkah laku kanak-kanak agresif jenis *hostile aggression* pula adalah kanak-kanak tersebut mempunyai niat serta tujuan untuk mencederakan individu lain. Tiga bahagian *hostile aggression* adalah *physical aggression* (tingkah laku menyakiti individu lain melalui kecederaan fizikal seperti memukul, menolak, menyepak, menumbuk yang lain atapun memusnahkan barang kepunyaan individu lain), *verbal aggression* (menyakiti individu lain melalui ugutan untuk mencederakan secara fizikal, panggilan nama atau mengejek) dan *relational*





aggression (merosakkan perhubungan rakan sebaya melalui pengasingan sosial, penyebaran khabar angin yang tidak benar atau memanipulasi hubungan persahabatan).

Dalam kajian ini, tingkah laku kanak-kanak agresif boleh dirujuk kepada sebarang tingkah laku yang dapat mencederakan diri kanak-kanak serta diri individu di sekeliling kanak-kanak sama ada secara fizikal, harta benda maupun melalui perkataan atau verbal.



Ringkasan bab 1 telah membincangkan tentang latar belakang permasalahan yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu „Pembangunan Garis Panduan Guru Untuk Pelaksanaan Amalan Zikir Bagi Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Agresif“. Selain itu, bab ini turut membincangkan beberapa perkara lain seperti objektif kajian, soalan kajian serta kepentingan kajian. Penggunaan istilah dalam kajian ini juga telah diperjelaskan secara terperinci dalam definisi istilah supaya pembaca dapat memahami maksud-maksudnya dengan lebih terperinci. Pada Bab 2, penyelidik telah mengupas serta membincangkan tentang tinjauan yang telah dijalankan berdasarkan kajian-kajian lepas beserta teori-teori yang bersesuaian dengan kajian ini.

